

# Semai semangat cintakan negara dalam diri kanak-kanak

Tanggal 31, bulan lapan, lima puluh tujuh, merdeka, merdeka, tetaplah merdeka, ia pasti menjadi sejarah. Bait lirik dalam lagu *Tanggal 31*, bertemakan kemerdekaan dendangan Allahyarham Datuk Sudirman Haji Arshad sangat dalam pengertinannya dan inti patinya mampu meresap ke dalam jiwa sesiapa saja yang mendengarnya. Lagu ini antara medium yang berorientasikan matlamat untuk mengagumi, menghargai dan menjiwai semangat kemerdekaan. Demikian juga, dalam meniti tahun ke-57 kemerdekaan Malaysia pada tahun ini, menjadi suatu kemestian untuk semua warganya berasa bangga dengan kemerdekaan yang tidak ternilai ini.

Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia sendiri menggesa seluruh rakyat Malaysia berbilang kaum untuk menghayati erti kemerdekaan ini secara bersungguh-sungguh ketika berucap dalam majlis sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang di Dataran Putrajaya baru-baru ini.

## Ulang ikrar dan janji

Perdana Menteri mengajak rakyat untuk mengulangi ikrar dan janji untuk terus menunaikan amanah serta tanggungjawab kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Begitu jua penghayatan merdeka dalam kalangan kanak-kanak. Walaupun mereka dilahirkan pada era negara sudah pun berkembang maju, sejahtera dan aman, namun mereka perlu menjadi warga Malaysia yang tidak



Penyerbuan pelajar pada sambutan hari kemerdekaan didik mereka hargai erti sebuah kemerdekaan. (FOTO HIASANI)

lupa daratan dan menghayati lipatan sejarah perjuangan kemerdekaan tokoh negarawan.

Melentur bulu biar dari rebungunya. Ini peribahasa yang tepat dalam usaha memupuk semangat cintakan negara dan menyukuri nikmat kemerdekaan dalam kalangan kanak-kanak.

Kanak-kanak juga tidak harus ditinggalkan dalam menyuburkan semangat cintakan negara dan menginsafi harga kemerdekaan yang membuatkan hidup mereka kini aman dan damai hasil air mata dan darah serta usaha keras generasi terdahulu daripada mereka.

Mereka perlu kenal siapa tokoh

penting yang memacu kepada kejayaan kemerdekaan negara. Semangat perjuangan Allahyarham Tunku Abdul Rahman, mendiang Tun Tan Cheng Lock, Tun V T Sambanthan dan tokoh kemerdekaan yang lain perlu diserapkan ke dalam jiwa kanak-kanak agar mereka faham betapa besarnya tanggungjawab mendaulatkan martabat bangsa, agama dan negara.

Kemerdekaan perlu ditafsir dan dipupuk kepada golongan setahun jagung ini ke arah landasan yang tepat. Mereka perlu dijelaskan bahawa merdeka bukan bererti bebas melakukan apa saja sehingga melampaui batas

tatasusila, budaya, keagamaan dan perundangan.

Dengan pendedahan seawal usia begini, adalah sangat berkesan dalam membimbing mereka menjadi warga negara yang cintakan negara tanpa berbelah bahagi.

## Beli bahan bacaan

Banyak kaedah yang boleh dilaksanakan untuk memupuk jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan kanak-kanak sempena ulang tahun kemerdekaan ke-57 ini. Ibu bapa boleh membelikan anak mereka bahan bacaan yang mengisahkan susur galur pembangunan dan

sejarah negara.

Melalui pelbagai aplikasi di internet mutakhir ini, banyak lagu patriotik yang boleh dimuat turun dan dimainkan sebagai halwa telinga kanak-kanak ini.

Pada peringkat komuniti dan sekolah, pertandingan dan kempen bertepatan kemerdekaan turut menyumbang kepada penyampaian mesej cintakan negara di kalangan kanak-kanak. Misalnya, pertandingan membaca bahan bacaan kemerdekaan, deklamasi sajak, persembahan teater dan nyanyian lagu patriotik atau kempen kibarkan Jalur Gemilang antara aktiviti yang sangat wajar didedahkan kepada mereka.

Dalam usia muda sebegini, jika pemikiran dan tingkah laku kanak-kanak ini sudah diterapkan dengan nilai patriotisme dan menghargai harga kemerdekaan, diyakini mereka akan terus menjadi generasi yang kental dengan semangat sayangkan negara.

Mereka akan sentiasa mempunyai kesedaran untuk mendaulatkan maruah agama, bangsa dan negara sebaiknya, bukan memburuk-burukkan nama negara seperti yang dibuat oleh setengah pihak yang tidak bertanggungjawab.

Penghayatan nilai kemerdekaan sebegini juga dapat memastikan bahawa ke mana-mana saja mereka pergi di setiap ceruk dunia kelak, perasaan bangga menjadi 'Anak Malaysia yang merdeka' akan dibawa bersama-sama.

**Khairunnezam Mohd Noor,**

Pensyarah Kanan,  
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,  
Universiti Sains Islam Malaysia.